

04 MAR 1999

DANA-PERKETAT

KAWALAN, LAPORAN PINJAMAN DANA LINDUNG NILAI MUNGKIN DIPERKETAT

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Kawal seliaan dan pelaporan yang lebih ketat mengenai pemberian pinjaman oleh bank-bank kepada dana-dana lindung nilai mungkin dikenakan di Amerika Syarikat, Financial Times melaporkan Selasa.

Akhbar harian itu berkata anggota-anggota Kongres Republikan dan Demokratik AS sedang merancang satu siri campur tangan -- daripada perundangan kepada kawal seliaan lebih ketat -- untuk menangani risiko dana-dana yang dihadapkan kepada sistem perbankan antarabangsa.

Ekoran Long Term Capital Management (LTCM), yang hampir runtuh tahun lalu "para pemimpin jawatankuasa perbankan Kongres kelihatan berazam untuk memperkukuhkan kawal seliaan dan pelaporan pemberian pinjaman bank kepada dana-dana lindung nilai," katanya.

Diselaraskan oleh Rizab Persekutuan New York, LTCM diselamatkan sebanyak AS\$3.5 bilion oleh 14 institusi kewangan tahun lalu setelah menanggung kerugian dalam pelaburan berisiko tinggi.

"Jawatankuasa kecil pasaran modal di dalam jawatankuasa perbankan dewan kongres itu akan mengadakan beberapa perbicaraan minggu ini mengenai perhubungan antara bank-bank dan dana-dana lindung nilai dengan tujuan untuk kemungkinan tindakan perundangan akhir tahun ini," kata Financial Times.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa Forum Ekonomi Dunia Januari lalu, telah berkata pergolakan di dalam sistem kewangan akan dikurangkan jika bank-bank mengekalkan pemberian pinjaman mereka kepada dana-dana lindung nilai pada paras yang berhemat.

Beliau menegaskan bahawa spekulasi matawang berlebihan boleh dibendung dengan mengawal sokongan dana-dana lindung nilai dan pedagang-pedagang matawang, terutamanya apabila mereka telah diberikan dana berjumlah 20 atau 200 kali modal mereka.

Menunjuk kepada laporan "Jawatankuasa penyelia-penyelia perbankan Basle" pada Januari lalu, Financial Times berkata kebanyakan risiko yang timbul daripada dana-dana lindung nilai boleh diatasi dengan standard yang lebih baik di bank-bank.

"Adalah juga didapati bahawa adalah sukar untuk mengawal selia dana-dana lindung nilai secara langsung, memandangkan ia banyak berpangkalan di luar pesisir," tambahnya.

Harian itu menyebut pengerusi jawatankuasa Republikan James Leach, sebagai berkata bahawa para pemimpin Kumpulan Tujuh negara-negara perindustrian perlu menangani masalah dana-dana lindung nilai berpangkalan di luar pesisir, di mana mereka boleh mengelakkan penyeliaan kawalan.

Leach berkata dana-dana lindung nilai seperti LTCM adalah "disokong dengan ragu" dan meletakkan modal bank pada risiko yang serius.

"Ini tidak serasi dengan ide amalan perbankan berhemat dan ia menjadi lebih buruk dengan potensi bagi urusan sendirian dalam keadaan di mana bank-bank atau pegawai-pegawai mereka juga merupakan pelabur di dalam dana lindung nilai tertentu," tambahnya.

Aktiviti-aktiviti dana-dana lindung nilai yang tidak dikawal selia sebahagian besarnya telah berubah sedikit setelah langkah menyelamatkan LTCM. Pada 1 Feb, Rizab Persekutuan mengeluarkan garis panduan amalan terbaik baru bagi pengawal-pengawal selia menilai urusan bank dengan dana-dana lindung nilai.

"Para eksekutif kanan Wall Street berkata firma-firma mereka kini

memerlukan penzahiran lebih besar oleh dana-dana lindung nilai yang berurusan dengan mereka dan telah mengurangkan pendedahan," tambah Financial Times.

-- BERNAMA

AD LPS OS